

28/09/2003

Malaysia sedia bekak meriam tentera laut

Noorwati Salleh

PEKAN: Malaysia akan menjadi pusat pembuatan dan pembekal meriam bagi kapal tentera laut di rantau ini apabila sebuah kilang pembuatan senjata itu dibina di Lumut, Perak, kata Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak.

Katanya, ia membabitkan usaha sama sebuah syarikat Sweden, iaitu Bofors Defence dengan syarikat tempatan, Penang Shipbuilding Construction (PSC) Sdn Bhd dan Naval Dockyard Sdn Bhd (NDSB).

"Bagaimanapun, sebahagian komponen untuk membuat meriam itu nanti akan import dari Sweden, manakala sebahagian lagi akan dibuat di negara ini.

"Usaha sama terbabit akan dimeterai pada Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2003 (Lima `03) di Langkawi. Ini sejajar dengan usaha kita untuk membangunkan industri pertahanan tempatan yang boleh mengeluarkan peralatan dan komponen penting bagi menampung keperluan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan negara lain," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat persiapan pilihan raya Umno Bahagian Pekan, di sini semalam.

Katanya, negara ini mempunyai lebih 140 meriam Bofors dari dulu lagi dan ini membuatkan syarikat terbabit bersetuju supaya Malaysia menampung keperluan meriam di rantau ini.

"Kita belum lagi menentukan negara di rantau ini untuk dieksport senjata terbabit. Sekarang ini, ia masih pada tahap terakhir pelaksanaan dan segala maklumat terperinci akan diumumkan pada majlis menandatangani usaha sama itu pada Lima `03 nanti," katanya.

Mengenai nilai komponen, Mohd Najib berkata ia belum boleh ditentukan kerana bergantung kepada jumlah komponen yang dikeluarkan syarikat usaha sama berkenaan.

"Sudah tentu pengeluaran itu boleh ditingkatkan dari semasa ke semasa berdasarkan kemampuan pekerja kita untuk menguasai teknologi dan kemahiran bagi mengeluarkan komponen terbabit," katanya.

Beliau berkata, Malaysia juga akan menjadi pusat sokongan dan penyenggaraan untuk meriam Bofors di rantau ini.

Katanya, perkembangan terbaru ini adalah antara taklimat yang disampaikan oleh syarikat Sweden ketika beliau mengikuti rombongan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di negara itu, baru-baru ini.

Sementara itu, Najib berkata, ATM bersedia menghantar pasukan hanya untuk bertugas sebagai pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Iraq jika kerajaan memutuskan demikian.

Bagaimanapun, katanya, pihaknya akan melihat perkembangan di negara berkenaan dan menunggu PBB mengambil alih tanggungjawab untuk menentukan keamanan dan ketenteraman awam di negara itu

"Kita memang bersedia untuk mengambil bahagian kerana kita mempunyai pengalaman luas dalam pasukan pengaman, tetapi hanya di bawah panji-panji PBB.

"Dengan demikian, pendirian kita iaitu tidak akan bertugas di luar negara melainkan dikendalikan di bawah operasi PBB adalah muktamad," katanya.

Kelmarin, Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak akan menyertai pasukan tentera pelbagai negara di Iraq yang diikhtiarkan oleh mana-mana negara melainkan jika dikendalikan melalui operasi PBB.